

28 AUGUST 2025

WASCO DECLARES 3 SEN FIRST INTERIM DIVIDEND, H1 FY2025 REVENUE AT RM1.4 BILLION

Order Book of RM2.2 Billion Provides Earnings Visibility into FY2026; Bioenergy IPO on Track

KUALA LUMPUR, 28 August – Wasco Berhad (“Wasco” or “the Company”) today declared an interim dividend of 3 sen per share on the back of total revenue amounting to RM1.4 billion, which it posted for the six months ended 30 June 2025 (“H1 FY2025”).

The payout, scheduled for 8 October 2025, follows a 2-sen distribution in April 2025 and brings total year-to-date dividends to 5 sen per share. Wasco also reported a Profit Before Tax (“PBT”) of RM83.8 million for the first half of 2025.

The oil and gas services sector in Q2 FY2025 reflected a more measured pace of activity, with operators focusing on project execution and efficiency. While global upstream investment growth moderated and exploration activity in the US and North Sea eased amid volatile crude prices, pipeline activity remains intact. In Asia, spending was more disciplined, with capital allocated to ongoing projects rather than new expansion.

Within this environment, the Energy Services Segment posted revenue of RM629.5 million in Q2 FY2025, broadly flat against RM634.4 million a year ago. PBT stood at RM34.0 million relative to RM47.4 million previously, while the core business remained robust despite lower contributions from associates and joint ventures.”

The Bioenergy Services Segment recorded revenue of RM64.8 million and PBT of RM7.2 million (Q2 FY2024: RM11.5 million), reflecting lower turbines and mill equipment deliveries. On a year-to-date basis, Bioenergy revenue rose to RM126.2 million (1H FY2024: RM120.0 million), supported by stronger steam boiler project activity.

As at 30 June 2025, the Group’s order book stood at RM2.2 billion, providing earnings visibility into FY2026. New contract wins during the quarter included pipeline coating work in Qatar, coated pipe supply for Malaysia’s industrial sector, E-Houses for Nigeria’s Bonga North deepwater project, and substations for a green hydrogen steel facility in Sweden.

The proposed listing of Wasco Greenergy Berhad, the Group's bioenergy subsidiary, is progressing toward regulatory approval. The IPO will comprise an offer for sale of up to 75 million shares and a public issue of 75 million shares, of which 119.5 million are to be allocated to Malaysian institutional and selected investors, including MITI-approved Bumiputera investors, alongside a retail tranche of 30.5 million shares.

Looking ahead, the Group expects oil and gas services markets to remain cautious in the near term, with global economic uncertainties continuing to delay final investment decisions and contract awards. While analysts have highlighted the moderation in order book levels in recent quarters, the Group's RM2.2 billion order book remains healthy and well-diversified, with revenue recognition expected to accelerate toward year-end as project execution advances. In Bioenergy, land allocation challenges in Indonesia have tempered near-term sentiment, but scheduled deliveries and rising industrial demand for decarbonisation solutions are anticipated to underpin stronger performance in the second half of FY2025.

"Declaring a first interim dividend reflects our confidence in the Group's financial strength and long-term outlook, with total dividends of 5 sen per share declared so far this year. Our RM10.4 billion tender book remains robust, and even as investment decisions have been experiencing delays across the industry, we are still successfully converting opportunities into secured projects. Supported by a diversified RM2.2 billion order book, we are confident that as project activity gathers pace, Wasco is well positioned to deliver sustained value to our shareholders," said **Gian Carlo Maccagno, Group Chief Executive Officer of Wasco Berhad.**

-ends-

About Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), established in 1999, is a prominent provider of energy solutions with a global presence across 14 countries. The Group's core strengths lie in two distinct divisions. The Energy Services Division specialises in advanced pipe coating, corrosion protection, engineering, and EPC project delivery. Complementing this, the Bioenergy Services Division focuses on biomass energy generation, catering to a varied sector including plantations, petrochemicals, oleochemicals, and large industrial players.

As a Main Market-listed entity on Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco emphasises sustainability and environmental responsibility with its decarbonisation strategy begins with reducing emissions in its operations and supply chains, coupled with the ability to offset emissions.

Reflecting its strong ESG commitment, Wasco is a constituent of the FTSE4Good Bursa Malaysia Index and the FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah Index, solidifying its role as a recognised leader in sustainability performance. In addition, Wasco is a proud participant of the United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, embedding the Ten Principles of the UN Global Compact into its strategies and operations, with a firm focus on human and labour rights, environmental protection, and anti-corruption efforts.

Wasco recognises the crucial importance of investing in the protection and restoration of natural ecosystems, particularly forests, which play a vital role in sequestering carbon. These efforts not only contribute to the preservation of the natural world and its rich biodiversity but also serve as a medium-term solution for offsetting emissions. A significant part of this commitment revolves around the 'Wasco Forest' initiative launched in 2021.

Beyond this dedication to environmental responsibility, Wasco is resolute in its commitment to the energy transition within the oil and gas sector. Recognising that a successful transition necessitates collaboration between the public and private sectors, Wasco actively seeks strategic partnerships. The Group envisions driving growth within regional green value-chains, leveraging local expertise and capabilities to shape a more sustainable future for the energy industry.

Issued by Wasco Berhad. For media enquiries, please contact **Juliana Jamaluddin** (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com) / +60 12-340 9438) or **Elinar Yasmeen** (elinar.yasmeen@wascoenergy.com) / +60 12-903 0342)

28 OGOS 2025

WASCO UMUM DIVIDEN INTERIM PERTAMA 3 SEN, RAIH HASIL RM1.4 BILION SEPARUH PERTAMA

*Buku Pesanan Bernilai RM2.2 Bilion Menjamin Prospek Keuntungan Sehingga
TK2026, IPO Segmen Perkhidmatan Biotenaga Diteruskan Mengikut Jadual*

KUALA LUMPUR, 28 Ogos – Wasco Berhad (“Wasco” atau “Syarikat”) hari ini mengisytiharkan dividen interim pertama sebanyak 3 sen sesaham berikutan hasil keseluruhan berjumlah RM1.4 bilion bagi tempoh enam bulan pertama bertarikh 30 Jun 2025 (“H1 TK2025”).

Pembayaran dividen tersebut, yang dijadualkan pada 8 Oktober 2025, susulan agihan sebanyak 2 sen pada April 2025 dan menjadikan jumlah dividen yang diisytiharkan setakat ini pada 5 sen sesaham. Wasco turut melaporkan Keuntungan Sebelum Cukai (“PBT”) sebanyak RM83.8 juta bagi separuh pertama tahun 2025.

Sektor perkhidmatan minyak dan gas (“O&G”) pada suku kedua tahun kewangan 2025 (“S2 TK2025”) mencatatkan tahap aktiviti yang lebih sederhana, apabila pengendali memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek dan peningkatan kecekapan. Pertumbuhan pelaburan hulu global berkurangan, manakala aktiviti penerokaan di Amerika Syarikat dan Laut Utara terjejas akibat ketidakpastian harga minyak mentah. Namun begitu, aktiviti saluran paip kekal stabil. Di Asia, perbelanjaan menunjukkan trend yang lebih berdisiplin dengan modal tertumpu kepada projek sedia ada berbanding pengembangan baharu.

Dalam persekitaran ini, Segmen Perkhidmatan Tenaga mencatat hasil sebanyak RM629.5 juta pada S2 TK2025, hampir sama berbanding RM634.4 juta setahun lalu. PBT berjumlah RM34.0 juta berbanding RM47.4 juta sebelum ini, manakala perniagaan teras kekal kukuh meskipun sumbangan daripada syarikat bersekutu dan usaha sama menunjukkan penurunan.

Segmen Perkhidmatan Biotenaga merekodkan hasil sebanyak RM64.8 juta dan PBT sebanyak RM7.2 juta (S2 TK2024: RM11.5 juta), mencerminkan penghantaran turbin dan peralatan kilang yang lebih rendah. Bagi tempoh H1 TK2025 setakat ini, hasil Biotenaga meningkat kepada RM126.2 juta (H1 TK2024: RM120.0 juta), disokong oleh aktiviti projek dandang stim yang lebih kukuh.

Sehingga 30 Jun 2025, buku pesanan Kumpulan berjumlah RM2.2 bilion, sekali gus memberikan jaminan prospek pendapatan sehingga TK2026. Kontrak baharu yang diperolehi sepanjang suku ini termasuk kerja salutan paip di Qatar, bekalan paip bersalut untuk sektor perindustrian Malaysia, penyediaan *E-House* bagi projek O&G laut dalam di Nigeria, serta pencawang untuk kemudahan keluli hidrogen hijau di Sweden.

Cadangan penyenaraian Wasco Greenergy Berhad, anak syarikat dalam segmen Perkhidmatan Biotenaga Kumpulan, kini sedang menunggu kelulusan pihak berkuasa berkaitan. Tawaran awam permulaan ("IPO") ini akan merangkumi tawaran jualan sehingga 75 juta saham dan terbitan awam baharu sebanyak 75 juta saham. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 119.5 juta saham akan diperuntukkan kepada pelabur institusi dan pelabur terpilih tempatan, termasuk pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI, manakala 30.5 juta saham akan diperuntukkan kepada pelabur runcit.

Memandang ke hadapan, Kumpulan menjangka pasaran perkhidmatan O&G kekal berhati-hati dalam jangka masa terdekat, berikutan ketidakpastian ekonomi global yang terus menangguhkan keputusan pelaburan muktamad dan penganugerahan kontrak. Walaupun penganalisis menekankan bahawa tahap buku pesanan dilihat lebih sederhana dalam beberapa suku kebelakangan ini, buku pesanan Kumpulan bernilai RM2.2 bilion kekal kukuh dan pelbagai, dengan pengiktirafan hasil dijangka meningkat menjelang akhir tahun selaras dengan kemajuan pelaksanaan projek. Bagi segmen Biotenaga, cabaran peruntukan tanah di Indonesia sedikit menjejaskan sentimen jangka pendek, namun penghantaran mengikut jadual serta peningkatan permintaan industri terhadap penyelesaian nyahkarbon dijangka menyokong prestasi yang lebih kukuh pada separuh kedua TK2025.

"Pengisytiharan dividen interim pertama ini mencerminkan keyakinan kami terhadap kekuatan kewangan dan prospek jangka panjang Kumpulan, dengan jumlah dividen sebanyak 5 sen sesaham yang telah diisytiharkan setakat ini. Buku tender bernilai RM10.4 bilion kekal kukuh, dan meskipun keputusan pelaburan dalam industri mengalami kelewatan, kami masih berjaya menukar peluang kepada projek yang dimeterai. Disokong oleh buku pesanan merentas pelbagai segmen bernilai RM2.2 bilion, kami yakin apabila aktiviti projek semakin rancak, Wasco berada pada kedudukan yang kukuh untuk terus memberikan nilai berterusan kepada para pemegang saham kami," kata **Gian Carlo Maccagno, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wasco Berhad.**

-tamat-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi: -

Juliana Jamaluddin

juliana.jamaluddin@wascoenergy.com

+6012 340 9438

Elinar Yasmeeen

elinar.yasmeeen@wascoenergy.com

+6012 903 0342

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), ditubuhkan pada 1999, merupakan penyedia penyelesaian tenaga yang terkemuka dengan kehadiran global di 14 negara. Kekuatan utama Kumpulan terletak pada dua bahagian utama. Bahagian Perkhidmatan Tenaga mengkhusus dalam salutan paip canggih, perlindungan kakisan, kejuruteraan, dan penyampaian projek EPC. Sementara itu, Bahagian Perkhidmatan Biotenaga memberi tumpuan kepada penjanaan tenaga biojisim, melayani pelbagai sektor termasuk perladangan, petrokimia, oleokimia, dan pemain industri utama.

Sebagai entiti yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco menekankan kelestarian dan tanggungjawab alam sekitar dengan strategi dekarbonisasi Wasco bermula dengan pengurangan pelepasan dalam operasinya dan rantai bekalan, digabungkan dengan keupayaan untuk mengimbangi pelepasan.

Mencerminkan komitmennya terhadap ESG yang kukuh, Wasco merupakan sebahagian daripada Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah, menegaskan peranannya sebagai peneraju yang diiktiraf dalam prestasi kelestarian. Selain itu, Wasco merupakan peserta bangga dalam United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, mengintegrasikan Sepuluh Prinsip UN Global Compact ke dalam strategi dan operasinya, dengan tumpuan teguh pada hak asasi manusia, perlindungan alam sekitar, dan usaha anti-rasuah.

Wasco memperakui kepentingan pelaburan dalam perlindungan dan pemulihan ekosistem semula jadi, terutamanya hutan, yang memainkan peranan penting dalam menyerap karbon. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan alam semula jadi dan kepelbagaian biologi yang kaya, tetapi juga menjadi penyelesaian jangka sederhana untuk mengimbangi pelepasan. Komitmen ini turut merangkumi inisiatif 'Wasco Forest' yang dilancarkan pada 2021.

Selain komitmen ini terhadap tanggungjawab alam sekitar, Wasco berpegang teguh pada peralihan tenaga dalam sektor minyak dan gas. Menyedari bahawa peralihan yang berjaya memerlukan kerjasama antara sektor awam dan swasta, Wasco secara aktif mencari perkongsian strategik. Kumpulan ini membayangkan untuk memacu pertumbuhan dalam rantai nilai hijau serantau, memanfaatkan kepakaran dan keupayaan tempatan untuk membentuk masa depan yang lebih lestari bagi industri tenaga.

**Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*